



TATACARA PERMOHONAN KEBENARAN PENCITRAAN DAN PENAWANAN DATA MELALUI DARAT

Setakat ini, Permohonan Kebenaran Pencitraan dan Penawanan Data dalam aplikasi eBiz JUPEM hanya untuk permohonan aktiviti pencitraan/penawanan data melalui udara sahaja. Manakala permohonan kebenaran pencitraan dan penawaran data melalui darat masih lagi menggunakan kaedah manual. Bagi memudahkan pengurusan permohonan, Bahagian Geospasial Pertahanan (BGSP), Ibu Pejabat JUPEM akan mengoptimumkan penggunaan e-mel jabatan bagi medium permohonan dan pengeluaran permit berkenaan. Berikut merupakan tatacara permohonan:

1. Muat turun Borang PPN 130 Pin. 1/2021 - Permohonan Kebenaran Pencitraan/Penawanan Data melalui Laman Web Rasmi JUPEM di pautan <https://www.jupem.gov.my/halaman/muat-turun-borang-pemetaan>
2. Isi borang PPN 130 Pin. 1/2021 dengan lengkap.
3. Dokumen yang perlu disertakan seperti berikut:
 - a) Surat permohonan dari Jabatan/Syarikat dan dialamatkan kepada:
Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
Wisma JUPEM, Jalan Sultan Yahya Petra,
50578 Kuala Lumpur
(u.p.: Pengarah Bahagian Geospasial Pertahanan)
 - b) Salinan kad pengenalan pemohon, pemandu, operator, jurugambar, pengendali peralatan dan sensor.
 - c) Salinan Pasport (jika melibatkan warga asing).
 - d) Borang G 9 Akta Syarikat 1965 atau Borang Perakuan Pendaftaran Perniagaan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
 - e) Surat sokongan daripada pemilik kawasan/bangunan.
 - f) Surat perakuan lantikan syarikat daripada pemilik asal projek atau Jabatan Kerajaan yang mengeluarkan tender projek.
 - g) Peta lokasi kawasan yang dimohon.

4. Hantar permohonan yang telah lengkap ke alamat e-mel nizan@jupem.gov.my.
5. Permohonan yang telah lengkap akan diproses dalam tempoh masa tujuh (7) hari.
6. Caj bayaran adalah RM50.00 sehari mengikut jumlah hari yang dimohon. Pemohon akan dimaklumkan untuk membuat pembayaran di kaunter pembayaran JUPEM yang berdekatan (Ibu Pejabat JUPEM atau JUPEM Negeri).
7. Permit kebenaran akan dihantar melalui e-mel pemohon setelah Bahagian ini menerima salinan resit pembayaran.
8. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Pegawai Waren 1 Mohd Nizan bin Abd Aziz di talian 03-2617 0776 atau di alamat e-mel nizan@jupem.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**BAHAGIAN GEOSPATIAL PERTAHANAN
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**



www.jupem.gov.my



@jupemKeTSA



@jupemKeTSA



jupemketsa